

23 FEB 2001

Samy-Pinjaman

MIC MINTA PINJAMAN PERUMAHAN LEBIH TINGGI BAGI PEKERJA ESTET

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Dalam usaha membantu pekerja-pekerja estet yang diarah berpindah, MIC telah meminta kerajaan meningkatkan jumlah pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan bagi golongan miskin daripada RM7,500 sekarang ini kepada RM20,000, kata presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata jumlah di bawah skim itu yang disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah tidak mencukupi bagi membolehkan pekerja-pekerja yang diarah meninggalkan estet untuk membeli rumah yang harganya antara RM35,000 dan RM42,000.

Samy Vellu berkata, beliau telah membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat mingguan Kabinet minggu lepas dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Menteri Prumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting untuk mengkaji perkara itu dan mengemukakan laporan kepada Kabinet.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan jawatankuasa kerja pusat (CWC) parti itu di sini, hari ini, Samy berkata beliau juga telah meminta kerajaan menyediakan pinjaman dengan faedah rendah bagi pekerja-pekerja estet.

Beliau berkata, CWC juga telah membincangkan dengan panjang lebar masalah pekerja ladang yang majikan mereka gagal menunaikan janji untuk menyediakan tempat kediaman apabila membangunkan semula estet-estet.

Samy berkata MIC telah menyelesaikan masalah perumahan bagi 4,500 pekerja di 50 estet di Selangor dan kini menumpukan pada baki 10 estet di negeri itu, khususnya Ladang Kapar Baru, Ladang Bukit Beruntung, Ladang Kalumpang, Ladang Banting, Ladang Bukit Hitam, Ladang Midlands, Ladang Bremer, Ladang Sungai Rinching, Ladang Kajang dan Ladang Bangi.

Beliau berkata masalah lazim ialah pemilik-pemilik estet tidak menunaikan janji mereka untuk menyediakan rumah teres kos rendah pada harga RM25,000 seperti yang dijanjikan.

Samy Vellu berkata, beliau akan mengemukakan kepada Kabinet satu senarai pekerja-pekerja yang telah berhempas pulas bertahun-tahun di estet tetapi masih belum memiliki rumah.

Selain daripada rumah, beliau berkata, pemilik-pemilik estet yang berjanji untuk membina sekolah, kuil dan kemudahan-kemudahan lain 20 tahun lepas masih belum menunaikannya lagi.

Mengenai perkara lain, beliau berkata, MIC akan jalankan kelas tutorial khas bagi pelajar-pelajar kelas peralihan, SPM dan SPTM di semua negeri membawa pakar-pakar untuk memberi bimbingan bagaimana mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

-- BERNAMA

DC ZS PR